

Title	Newspaper	Day	Date
IAP mampu tarik pelabur baharu	Berita Harian	Khamis	18 Februari 2016



Zamani (kanan) dan Zeti menyaksikan majlis menandatangani perjanjian **pelancaran IAP** di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO HAFIZ SOHAIMI/BH]

IAP mampu tarik pelabur baharu

Pelancaran Investment Account Platform (IAP) menjadikan Malaysia sebagai negara pertama memperkenalkan platform perkongsian pembiayaan berlandaskan syariah yang akan diperluaskan melangkaui sempadan domestik.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata IAP akan menjadi saluran efektif dalam mempertingkatkan saling hubungan kewangan bagi ekonomi serantau dan global.

Katanya, dalam menggalakkan transaksi merentasi sem-

“IAP mampu menyumbang usaha menarik pelaburan asing baharu dan membolehkan pembabitan pelabur tempatan dalam membiayai projek di luar negara”

Zeti Akhtar Aziz,
Gabenor Bank Negara Malaysia

padan, IAP mampu menyumbang usaha untuk menarik pelaburan asing baharu dan membolehkan pembabitan pelabur tempatan dalam membiayai projek di luar negara.

Pasaran lebih luas

“Ia boleh diperluaskan merentasi semua mata wang, menyediakan pasaran tepat kepada pelabur tempatan dan antarabangsa untuk melabur dalam aktiviti ekonomi sebenar dan projek didominasi pelbagai mata wang, serta dibiayai institusi perbankan Islam dari bidang kuasa berbeza.

“Platform ini berpotensi mewujudkan rangkaian menyeluruh dalam kalangan bank untuk menepati pelbagai permintaan pelabur dan penerima pelaburan.

“Ini akan mempertingkatkan potensi dan nilai IAP se-

bagai instrumen pelaburan berlandaskan syariah dan kedudukan tepat untuk meraih pelaburan bagi memberi manfaat kepada ekonomi,” katanya dalam ucaptamanya sempena pelancaran IAP di Kuala Lumpur, semalam.

Zeti berkata, faktor kepercayaan penting dalam usaha mengukuhkan keupayaan IAP menarik segmen pelabur yang lebih luas dan platform itu diperluaskan kepada profil pelaburan lebih berisiko.

Justeru, katanya, institusi perbankan Islam perlu mengutamakan amalan pengurusan terbaik, pemantauan prestasi kesesuaian penilaian dan pengurusan pelaburan.

“Ini menjamin IAP kekal sebagai medium pelaburan yang telus dan berdaya saing dalam menyediakan pengalaman terbaik untuk pelabur pelbagai peringkat,” katanya.